



03 Jan 2017

Berita Harian, Malaysia

Author: Ahmad Suhael Adnan • Section: Nasional • Page: 14 • Printed Size: 523.00cm<sup>2</sup>  
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 18,028.26  
PR value: MYR 54,084.78 • Item ID: MY0028065190

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.  
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektahs@nsogov@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 4

**BUNGA API MELETUP CEDERAKAN 14 PENONTON**

# NGO persoal PBT tak tegas laksana SOP

→ Kegagalan patuhi peraturan punca 14 cedera terkena percikan api

Oleh Ahmad Suhael Adnan dan Faris Fuad

bhnews@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

**K**egagalan Majlis Perbandaran Klang (MPK) memastikan pihak yang meletupkan bunga api mematuhi prosedur operasi standard (SOP) didakwa menjadi punca 14 penonton cedera terkena percikan api daripada letupan bahan itu di Klang, kelmarin.

Presiden Persatuan Perlindungan Pengguna Malaysia, Datuk Mohd Firdaus Abdullah, berkata MPK tidak teliti dalam meluluskan permohonan program, khususnya memastikan pihak yang meletupkan bunga api itu mempunyai ke layakan dan berlesen.

“Polis juga perlu mainkan peranan memantau aktiviti seperti ini kerana kebanyakan individu ambil jalan mudah dengan hanya memikirkan keseronokan tanpa mengendahkan keselamatan orang ramai,” katanya ketika dihubungi BH, semalam.

Beliau mengulas insiden 14 penonton tercedera selepas terkena percikan letupan bunga api pada kemuncak acara Fiesta GEGAR Klang 2016 di Kompleks Sukan Pandamaran, Klang, kelmarin sempena sambutan tahun baharu.

Sementara itu, Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Johan, berkata sikap sambil lewa MPK selaku pengajur program mendedahkan

orang ramai kepada risiko keselamatan.

## Implikasi negatif

Katanya, MPK seharusnya memastikan Prosedur Standard (SOP) untuk acara seumpamanya dilaksanakan secara konsisten kerana insiden demikian memberi implikasi negatif pada imej negara.

“Jika SOP tidak dipatuhi, program seperti sambutan tahun baharu membabitkan letupan bahan mercun dikhawatir menyebabkan kejadian tidak diingini yang turut dihadiri pelancong serata dunia, sekali gus memberi pengalaman buruk kepada mereka,” katanya.

Sementara itu, sumber industri berkata, insiden itu mungkin berpunca daripada penggunaan bunga api tidak berkualiti atau sudah tamat tempoh.

Beliau yang juga pakar piroteknik berkata, siasatan insiden itu perlu menganalisis sumber bunga api itu diperoleh, kualiti serta saiznya bagi mengenalpasti punca bunga api itu meletup di luar kawalan.

“Mengikut SOP melaksanakan pertunjukan bunga api, pengajur perlu membuat tinjauan lokasi bagi menetapkan saiz bunga api yang sesuai digunakan serta jaraknya dengan pengunjung.

“Namun, sukar untuk saya mengenalpasti apakah puncanya melalui video insiden kerana perlu melihat saiz bunga api serta jarak lokasi bunga api itu dilancarkan



dengan pengunjung," katanya.

Sementara itu, Pengurus GERA-KAN Selangor, Datuk David Ang Chin Tat mendesak Pengurus Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pembangunan Kampung Baharu dan Pemutihan Kilang Haram Selangor, Ean Yong Hian Wah melepaskan jawatannya sebagai EXCO Selangor selepas gagal memantau dan memeriksa permohonan pertunjukan letupan bunga api di Klang, kelmarin.

#### Tak mohon kebenaran

Beliau berkata, MPK juga dilaporkan tidak memohon kebenaran mengadakan pertunjukan bunga api itu, selain pengendali acara berkenaan tidak mempunyai lesen.

Katanya, urus tadbir kerajaan Selangor yang lemah, termasuk cuai dalam menangani situasi itu menyebabkan risiko keselamatan orang ramai diancam.

"Ia adalah sesuatu yang tidak boleh diterima kerana tugasnya (kerajaan negeri) adalah untuk mengeluarkan dan menguatkuasakan pelbagai lesen dan permit MPK.

"MPK tidak mohon permit malah tidak menggunakan operator bunga api berlesen. Ia meletakkan kira-kira 15,000 orang awam dalam keadaan bahaya.

"Ini adalah jenayah. Kami (GERAKAN) bercakap mengenai kemungkinan rakyat mungkin kehilangan nyawa atau anggota badan mereka," katanya dalam kenyataan semalam.

Mengulas lanjut, katanya, kerajaan Selangor patut bersyukur kerana 'nasib' menyelbelahi mereka kerana insiden itu tidak membabitkan sebarang kecederaan teruk atau kematian.



03 Jan 2017

Berita Harian, Malaysia

Author: Ahmad Suhael Adnan • Section: Nasional • Page: 14 • Printed Size: 523.00cm<sup>2</sup>  
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 18,028.26  
PR value: MYR 54,084.78 • Item ID: MY0028065190

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.  
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: setiahotungov@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 3 of 4

**Info**

### Syarat mengadakan pertunjukan bunga api

**→ Pertunjukan bunga api dikenalikan pakar teknikal dilantik syarikat yang diperakui Kementerian Dalam Negeri (KDN).**

**→ Bunga api disimpan di tempat selamat** berdasarkan syarat ditetapkan mengikut Hukuman Tetap Ketua Polis Negara Bahagian (A)/116(A).

**→ Pembakaran hanya pada tarikh, masa dan tempat ditetapkan** dengan kuantiti dibenarkan. Baik bunga api yang tidak habis dibakar hendaklah diserahkan kepada polis untuk pelupusan.

**→ Penganjur dikehendaki menghubungi dan mematuhi semua syarat** ditetapkan polis, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Penerangan Awam Malaysia dan pihak berkuasa tempatan (PBT) sebelum pembakaran dilakukan.

**→ Penganjur bertanggungjawab sepenuhnya** terhadap sebarang kemalangan, kecederaan atau kesilapan berbangkit berpunca daripada bunga api itu.

**→ Penganjur pertunjukan perlu mempunyai perlindungan insuran** merangkumi liabiliti awam jika berlaku kejadian tidak diingini.

**→ KDN/polis berhak membatalkan kebenaran** jika penganjur gagal patuhi syarat ditetapkan.



03 Jan 2017

Berita Harian, Malaysia

Author: Ahmad Suhael Adnan • Section: Nasional • Page: 14 • Printed Size: 523.00cm<sup>2</sup>  
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 18,028.26  
PR value: MYR 54,084.78 • Item ID: MY0028065190

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT,  
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.  
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: setiaohotong@gmail.com



**isentia.mediaportal**

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 4 of 4



# Kerajaan Selangor arah MPK jalan siasatan dalaman

**Shah Alam:** Majlis Perbandaran Klang (MPK) sudah diarahkan untuk menjalankan siasatan dalaman bagi mencari punca insiden bunga api meletup atas tarrah pada malam tahun baharu Ahad lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pembangunan Kampung Baharu dan Pemutihan Kilang Haram Selangor, Ean Yong Hian Wah, dalam satu kenyataan, berkata MPK juga diarahkan mengenalpasti pihak yang bertanggungjawab yang menyebabkan kemalangan itu berlaku.

## Tindakan disiplin

"Kerajaan negeri tidak akan menyembunyikan sebarang kecuaian serta akan mengenakan tindakan disiplin atau undang-undang terhadap mereka yang didapati perlu bertanggungjawab atas kesilapan ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai insiden bunga api meletup di atas tanah pada malam Tahun Baharu 2017 di Kompleks Sukan Pandamaran, Klang tengah malam Ahad lalu.

Pada kemuncak acara Fiesta GE-GAR Klang 2016 itu, seramai 14 pengunjung yang menyaksikan pertunjukan bunga api cedera se-

lepas ia meletup di atas tanah.

Hian Wah berkata, pihaknya juga sudah mengeluarkan arahan kepada semua pihak berkuasa tempatan (PBT) di Selangor untuk melantik penganjur terlatih selain perlu memenuhi syarat pihak berkuasa berkaitan sewaktu persembahan mercun atau bunga api diadakan.

Bagaimanapun, Hian Wah enggan mengulas lanjut apabila ditanya mengenai kenyataan Ketua Polis Daerah Klang Selatan, Asisten Komisioner Alzafny Ahmad, bahawa MPK tidak memohon permit untuk pertunjukan bunga api itu.



Kerajaan negeri tidak  
akan menyembunyikan  
sebarang kecuaian”

**Ean Yong Hian Wah,**  
*Pengerusi Jawatankuasa Tetap  
Kerajaan Tempatan, Pembangunan  
Kampung Baharu dan Pemutihan  
Kilang Haram Selangor*

# 'Persatuan ada banyak wang'

**Kuala Lumpur:** Bekas pengurus Selangor, Amirudin Shari menyifatkan langkah Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) menggunakan sentimen tidak membayar gaji dan bonus pemain sebagai tindakan kurang bijak kerana persatuan negeri itu memiliki wang yang mencukupi untuk menyelesaikannya.

Menerusi satu kenyataan medianya semalam, Amirudin berkata 'kantung' persatuan itu mempunyai lebih kurang RM2.5 juta selepas menjual beberapa pemain bintangnya kepada negeri dan kelab bola sepak lain.

"Dalam pengetahuan saya, FAS mempunyai RM2.5 juta selepas menjual beberapa pemain bintang. Ini bermula dengan penjualan Mohd Azrif Nasrulhaq, diikuti Ahmad Hazwan Bakri dan R Gopinathan ke Johor Darul Ta'zim (JDT) dan tidak termasuk penjualan Shahrom Kalam dan Mohd Hafiz Kamal kepada pasukan Pe-

rak pada 2016.

"Semua mereka masih lagi mempunyai baki kontrak ketika berhijrah. Persoalannya ke mana perginya wang berkenaan?" katanya dalam siaran media itu.

Justeru, beliau mahukan isu gaji dan bonus pemain diselesaikan dengan bijak sambil menggambarkan badan induk bola sepak negeri itu gagal mengurus tadbir persatuan dengan baik apabila berterusan memainkan isu terbabit.

## Ketelusan pengurusan

Dalam masa sama, beliau turut menyelar strategi menggunakan desakan pemain di media cetak yang bertujuan mewujudkan satu persepsi bahawa Presiden FAS, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali sebagai tidak bertanggungjawab.

"Saban tahun, kerajaan negeri memberikan peruntukan tahunan kepada FAS dan ini menunjukkan wang hasil ju-

lan pemain dan tiket untuk dua perlawanan akhir Piala Malaysia 2015 dan 2016 tidak pernah diusik.

"Ia tidak mengambil kira kuitan tiket perlawanan Liga Super dan Piala FA. Oleh itu, bagi saya, mungkin FAS berminat untuk berkongsi ketelusan pengurusan kewangan mereka dengan penyokong dan menjelaskan bagaimana perbelanjaan persatuan diuruskan," katanya.

Mengulas lanjut penamatkan kontrak bekas pengendali The Red Giants, Zainal Abidin Hassan, Amirudin menegaskan tindakan diambil selepas mengambil kira prestasi semasa Selangor ketika itu yang merudum dan presiden merasakan bahawa pasukan mesti diselamatkan.

"Menjadi tanggungjawab dan kecekapan seorang setiausaha agung (Rosman Ibrahim) yang berwibawa membuat tindakan susulan di atas pengumuman presiden hatta melalui laman sosial sekalipun.

"Namun, Rosman tidak berusaha untuk menasihati presiden, malah umum mengetahui apa yang berlaku pada mesyuarat Exco FAS pada Ogos yang sepatutnya membincangkan hal-hal berbangkit seperti ini," katanya.

**BH Sukan** sebelum ini melapor kan FAS tetap mendesak Mohamed Azmin serta Amirudin supaya bertanggungjawab melangsangkan tunggakan gaji pemain dan pegawai pasukan bagi November 2016 meskipun sudah tidak lagi mahu bersama persatuan bola sepak negeri itu.

Rosman dalam satu kenyataan medianya semalam menegaskan keputusan mereka yang tidak mahu terbabit dengan pengurusan FAS seharusnya tidak dijadikan alasan untuk mereka lari daripada tanggungjawab dalam menunaikan apa yang sudah dijanjikan termasuklah pembayaran bonus mara ke final Piala Malaysia 2016.

Oleh Syafiq Aznan

Headline	Wang penjualan pemain bukan untuk bayar hutang		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	03 Jan 2017	Circulation	125,514
Section	Sukan	Readership	947,000
Page No	46,48	ArticleSize	783 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 26,991
Journalist	Syed Riduan Ahmad	PR Value	RM 80,972
Frequency	Daily		



KRISIS FAS

# Wang penjualan pemain bukan untuk bayar hutang

• Setiausaha Agung Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS), Rosman Mohd Ibrahim menjelaskan sejumlah RM2 juta yang diperoleh hasil daripada penjualan Ahmad Hazwan Bakri dan R Gopinathan kepada Johor Darul Ta'zim (JDT) hanya akan digunakan untuk operasi pasukan bagi musim ini, bukan untuk membayar gaji pemain yang sepatutnya dibuat oleh kerajaan negeri **Ms.46**

## Rosman tempelak Amirudin

• ‘Wang RM2 juta hasil jualan dua tonggak bukan untuk bayar gaji pemain dan pegawai’

Oleh Syed Riduan Ahmad

smriduan@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) hanya menerima RM13.8 juta daripada RM20 juta bajet yang diluluskan kerajaan negeri untuk kegunaan pengurusan bagi mengharungi Liga Malaysia (Liga M) musim lalu bermula Disember 2015 hingga November 2016.

Peruntukan itu diterima sehingga Julai tahun lalu yang digunakan untuk membayar gaji, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Socso semua pasukan (Liga Super, Piala Presiden, Piala Be-

lia, skuad wanita dan kakitangan FAS.

Setiausaha Agung FAS, Rosman Mohd Ibrahim berkata, baki bajet sebanyak RM6.2 juta lagi disalurkan terus kerajaan negeri kepada Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) yang digunakan untuk membayar gaji pemain Liga Super manakala bagi peruntukan tambahan sebanyak RM3 juta, disalurkan kepada Akademi Merah Kuning.

Sehubungan itu, Rosman berkata, sejumlah RM2 juta yang diperoleh hasil daripada penjualan Ahmad Hazwan Bakri dan R Gopinathan ke Johor Darul Ta'zim (JDT) hanya akan digunakan untuk operasi pasukan bagi musim ini, bukan untuk membayar hutang yang sepatut-

nya dibuat oleh kerajaan negeri.

### Bajet musim 2016

“Oleh kerana bajet yang dijanjikan adalah untuk musim 2016, kerajaan negeri perlu bertanggungjawab melangsangkan sebarang janji (yang dibuat pengurus pasukan) dan bayaran kepada pemain sehingga November 2016.

“Kami juga sudah memaklumkan kepada pemain yang FAS akan bertanggungjawab di atas gaji serta kebajikan mereka bermula Disember 2016 hingga November 2017 - sebelum pasukan diwastakan sepenuhnya pada tahun 2018,” katanya semalam.

Rosman berkata demikian sebagai mengulas laporan menge-

nai Amirudin menyifatkan langkah FAS menggunakan sentimen tidak membayar gaji dan bonus pemain sebagai tindakan kurang bijak kerana persatuan negeri itu memiliki wang yang mencukupi untuk menyelesaikannya.

Menerusi satu kenyataan medianya semalam, Amirudin berkata ‘kantung’ persatuan itu mempunyai lebih kurang RM2.5 juta selepas menjual beberapa pemain bintangnya kepada negeri dan kelab bola sepak lain.

Mengulas lanjut Rosman berharap, dana RM3 juta yang dijanjikan untuk Akademi Merah Kuning masih ada kerana sepanjang setahun lalu, tidak ada apa-apa perkembangan berkenaan akademi itu.

Headline	Wang penjualan pemain bukan untuk bayar hutang		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	03 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	125,514
Page No	46,48	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	783 cm <sup>2</sup>
Journalist	Syed Riduan Ahmad	AdValue	RM 26,991
Frequency	Daily	PR Value	RM 80,972



Headline	Wang penjualan pemain bukan untuk bayar hutang		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	03 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	125,514
Page No	46,48	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	783 cm <sup>2</sup>
Journalist	Syed Riduan Ahmad	AdValue	RM 26,991
Frequency	Daily	PR Value	RM 80,972



**Terus berbalah**

Bekas pengurus Selangor, Amirudin Shari (kiri) dan Setiausaha Agung Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS), Rosman Mohd Ibrahim terus berbalah dalam soal tunggakan gaji pemain The Red Giants Ms.46

## VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Football Association Of Malaysia (FAM) (Malaysia Super League)	3	0	RM 0
Football Of Selangor Association (Football Of Selangor Association)	3	0	RM 0
Inland Revenue Board of Malaysia (Inland Revenue Board)	2	0	RM 0
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) (Kumpulan Wang	1	0	RM 0
Selangor State Government (Selangor State Government)	1	0	RM 0
Social Security Organisation (SOCSO)	1	0	RM 0

## GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Jamal tawar diri jadi Presiden FAS		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	03 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	125,514
Page No	46	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	178 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,112
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,336



# Jamal tawar diri jadi Presiden FAS

**Sabak Bernam:** Ketua Gerakan Baju Merah, Datuk Seri Jamal Md Yunos (**gambar**) akan menghantar surat secara rasmi menyatakan hasrat menerajui Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS), minggu ini.

Jamal yang juga Ketua Umno Bahagian Sungai Besar berkata, sekiranya terpilih mengetuai FAS, beliau akan memastikan semua tunggakan gaji pemain dapat diselesaikan dalam tempoh dua minggu, sebagai langkah pertamanya selepas memegang jawatan.

"Jika diberi mandat, dalam tempoh 14 hari saya dilantik, segala hutang-hutang ini akan diselesaikan dan kita akan susun langkah kedua iaitu pelan kewangan FAS untuk jangka masa pendek dan panjang," katanya.

**Bayaran tunggakan penting**  
Beliau berkata, bayaran tunggakan itu amat penting bagi memastikan moral semua pemain dan mereka yang terbabit dalam FAS mendapat pembelaan yang sewajarnya.

"Jika duit banyak sekali pun, tetapi kalau pengurusan tidak bagus, itu pun tidak mendatangkan apa-apa manfaat dalam kemajuan sukan bola sepak."

"Bagaimana kita nak dapat duit? Tak mungkin saya akan keluarkan duit milik peribadi berjuta-juta ringgit, tetapi atas kebijaksanaan pengurusan."

"Apa yang paling mustahaknya, kita tidak mahu menghamparkan seluruh peminat bola sepak di negeri ini," katanya.

## Selangor setanding JDT

Pada masa sama, katanya, beliau juga mahu melihat Selangor setanding dengan pasukan bola sepak Johor Darul Ta'zim (JDT).

"Saya bukan nak menyamakan Selangor dengan JDT, tetapi kita mestilah melihat ke arah itu. Kalau Johor boleh membangunkan sukan bola sepak ini sehingga menarik perhatian seluruh rakyat dan anak-anak muda di Johor, apa kurangnya Selangor yang mempunyai tradisi sejarahnya yang tersendiri," katanya.

**Oleh Mohd Shukor Amin**

Headline	Jamal tawar diri jadi Presiden FAS		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	03 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	125,514
Page No	46	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	178 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,112
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,336



## VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Football Of Selangor Association (Football Of Selangor Association)	1	0	RM 0
Pilihan Raya Negeri Selangor (Pilihan Raya Kecil)	1	0	RM 0
UMNO (UMNO)	1	0	RM 0

## GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Setuju Pantai Remis jadi pantai awam		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	03 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	41	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	174 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,968
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,904



## Setuju Pantai Remis jadi pantai awam

**KUALA SELANGOR** – Saranan untuk menjadikan Pantai Remis sebagai pantai awam disambut baik oleh Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Seri Dr Irmohizam Ibrahim yang berhasrat melihat kawasan itu dapat membangun sebagai pusat pelancongan.

Menurutnya, kawasan itu perlu diwartakan sebagai pantai awam kerana antara lokasi pantai yang lebih dekat dengan ibu kota dan tidak perlu mengeluarkan kos tinggi untuk ke situ.

“Dalam proses merancakkan agropelancongan di daerah ini, sudah tiba masanya kerajaan negeri mewartakan kawasan pantai yang menjadi pusat pelancongan se-pertimana disarankan Majlis Daerah Kuala Selangor.

“Bahkan saya juga menyarankan supaya kerajaan negeri dapat mewartakan ka-



Irmohizam (belakang, tiga kiri) merakam gambar kenangan bersama penerima sumbangan Program Kembali ke Sekolah Parlimen Kuala Selangor.

wasan kelip-kelip di perairan Selangor sebagai kawasan warisan negara supaya tidak terjejas dek kemajuan pembangunan pesat pada masa akan datang,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Program Kembali ke Sekolah melibatkan 200 penerima yang juga

anak penduduk Parlimen Kuala Selangor.

Katanya, keunikan flora dan fauna yang ada di daerah ini perlu dijaga sebaiknya kerana ia mampu menarik lebih ramai pelancong asing khususnya dari Korea dan Jepun ke negara ini.

Irmohizam yang juga Pengurus Lembaga

Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) berkata, industri perikanan di daerah ini juga berpotensi tinggi dengan hasil laut cukup membanggakan.

“Pada hemat saya, sudah tiba masanya kerajaan negeri mewartakan pulau di perairan daerah ini sebagai pusat tumpuan kaki pancing dan rekreasi,” katanya.

## VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) (Lembaga Kemajuan Ikan)	2	0	RM 0
Majlis Daerah Kuala Selangor (Majlis Daerah Kuala Selangor)	1	0	RM 0
Parliament of Malaysia (Parliament)	1	0	RM 0

## GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Asnaf kena usaha ubah taraf hidup		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	03 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	40	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	182 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,105
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,314



Sebahagian tetamu yang hadir sempena Program Tautan Mahabbah LZS Daerah Kuala Langat yang diadakan pada malam tahun baru di Pejabat Zakat Daerah Kuala Langat.

BANTING - Lembaga Zakat Selangor (LZS) Cawangan Kuala Langat menyarankan semua penerima bantuan terus beriktiar dan berusaha keluar daripada masalah, lebih bersyukur serta dekat kepada ALLAH SWT supaya tidak terlalu bergantung kepada bantuan semata-mata.

Pada masa sama, Pengurus Operasi Daerah, Mohd Shukri Hushin berterima kasih kepada pembayar zakat kerana memberi kepercayaan kepada LZS dan berharap mereka dapat meruskan komitmen.

"Untuk perancangan

2017, kami (LZS) akan terus berusaha membangunkan asnaf terutama memberi fokus kepada penerima yang produktif.

"Kita juga bakal memberi fokus kepada asnaf yang lebih lima tahun menjadi penerima zakat untuk menilai kembali kedudukan ekonomi dan keperluan asasi mereka. Kita mahu mereka membangunkan ekonomi untuk lebih berdaya saing," katanya.

Beliau berkata demikian kepada Sinar Harian sempena Program Tautan Mahabbah LZS Daerah Kuala Langat bagi meraikan mereka yang

terlibat dalam usaha dakwah serta menyantuni asnaf sepanjang 2016.

Mohd Shukri memaklumkan, untuk 2017, pihaknya akan lebih proaktif dalam pembangunan asnaf dengan mengadakan kolaborasi bersama pelbagai agensi di sekitar daerah ini.

Pada program berkenaan LZS turut meraikan pemimpin masyarakat termasuk Orang Besar Daerah, wakil rakyat, ketua kampung, nazir masjid dan penghulu yang bertungkus lulus membantu perjalanan agihan zakat.

## VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Lembaga Zakat Selangor (Lembaga Zakat Selangor (LZS))	6	0	RM 0

## GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Walkabout dengar aduan rakyat		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	03 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	39	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	125 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,132
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,397



## 'Walkabout' dengar aduan rakyat

**BANGI** – Program Walkabout di Taman Kajang Raya baru-baru ini membuka peluang pemimpin meluangkan masa mendengar beberapa isu dibangkitkan oleh

masyarakat.

Adun Bangi, Shafie Ngah berkata, beliau sedia maklum mengenai beberapa masalah disuarakan, antaranya projek pembetungan yang

mengganggu lalu lintas dan kenderaan terbiar sekitar kawasan kediaman.

"Penduduk turut membangkitkan isu tiga lot rumah yang dirobohkan dan ditumbuhinya semak serta isu pokok parasit besar tumbuh di atas rumah terbiar," katanya.

Turut hadir, Ahli Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), Hamsatulazura Hamzah serta Penguat Kuasa MPKj dan Jabatan Kawalan Bangunan MPKj.

Tambahnya, tujuan program diadakan adalah untuk mempertingkatkan perkhidmatan agensi berkaitan kepada masyarakat dan aduan penduduk disalurkan terus kepada agensi berkaitan untuk tindakan lanjut.



Shafie (dua kanan) menerangkan sesuatu kepada penduduk.

## VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Majlis Perbandaran Kajang (Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ))	1	0	RM 0

## GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	MBPJ terima tetamu dari Bandung		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	03 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	38	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	159 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,712
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,137



## MBPJ terima tetamu dari Bandung

**SUNGAI BULOH-** Bagi mengeratkan hubungan dua hala yang terjalin, seramai 12 delegasi Kota Bandung berkunjung dan melakukan lawatan kerja ke Pejabat Daerah Tanah Petaling.

Peserta program pertukaran lawatan bersempena program Bandar Berkembar di antara Kota Bandung dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) itu terdiri daripada Kacamatan (penghulu) dan Lurah (ketua kampung) yang diketuai Bapak Agus Mulyadi.

Pegawai Daerah Petaling, Datuk Misri Idris, berkata, rombongan diberi taklimat mengenai kemajuan dan pembangunan infrastruktur yang telah dan sedang dilaksanakan di daerah Petaling.

"Kami mengalui-alukan lawatan

ini demi mengeratkan hubungan dua hala yang sedia terjalin.

"Di samping bertukar-tukar pandangan, program ini juga berjaya merapatkan lagi hubungan persahabatan antara kedua-dua bandar serta kakitangannya," katanya.

Beliau berkata, peserta dibawa melawat ke Kampung Bukit Cherakah yang dianugerahkan sebagai Johan Kampung Tradisi Terbaik Daerah Petaling 2016.

"Peserta juga dibawa ke puncak tertinggi kampung dikenali sebagai Bukit Ramli yang berketinggian lebih kurang 500 kaki daripada paras laut.

"Di situ peserta dapat menikmati panorama pemandangan Laut Selat Melaka dan Pelabuhan Klang," katanya.



Delegasi dan kakitangan Pejabat Daerah Petaling merakam kenangan ketika lawatan sempena program Bandar Berkembar di antara Kota Bandung dan MMBPJ.

## VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) (Majlis Bandaraya Petaling	4	0	RM 0
Pejabat Daerah Tanah Klang (Pejabat Daerah Tanah Klang)	1	0	RM 0
Pejabat Daerah Tanah Petaling (Pejabat Daerah Tanah Petaling)	6	0	RM 0

## GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Indeks jenayah menurun		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	03 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	38	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	76 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,296
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,889



## Indeks jenayah menurun

**SUBANG JAYA -** Indeks jenayah di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Subang Jaya mencatat penurunan 7.45 peratus antara Mac dan Disember tahun ini berbanding tempoh sama tahun lalu.

Ketua Polis Daerah Subang Jaya, Asisten Komisioner Mohammad Azlin Sadari berkata, berlaku pengurangan sebanyak 166 indeks jenayah dalam tempoh tersebut.

Menurutnya, pihaknya memberi tumpuan terhadap aktiviti pencegahan jenayah yang berkesan.

"Ini termasuk bekerjasama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) bagi menangani kes jenayah termasuk perjudian," katanya.

Beliau sebelum itu berkata, selain menjalankan tugas keperluan melayani kes jenayah indeks setiap hari, pihaknya turut membentuk pasukan serbuan menangani kes jenayah tertentu termasuk perjudian.



MOHAMMAD AZLIN

## VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) (Pihak Berkuasa Tempatan (PBT))	1	0	RM 0

## GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Pas sedia hadapi cabaran politik		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	03 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	36	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	161 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,746
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,238



# Pas sedia hadapi cabaran politik

Parti itu tidak gentar berdepan sesiapa sahaja

MOHD FAHMI ISMAIL

**SHAH ALAM** - Pas bersedia untuk berdepan dengan apa sahaja kemungkinan situasi landskap politik baharu yang akan berlaku selepas ini.

Pesuruhjaya Pas Negeri Selangor, Datuk Iskandar Abdul Samad berkata, sama ada dua atau tiga penjuru, jentera pilihan raya Pas telah bersedia untuk menghadapi apa sahaja kemungkinan.

"Jika ada persetujuan untuk dua penjuru, Pas boleh menghormatinya. Jika tidak ada persetujuan dan akan berlaku free for all (bebas un-



ISKANDAR

tuk semua).

"Pas bersedia untuk merokai kawasan baharu," katanya.

Iskandar berkata, jente-

ra Pas juga berupaya dikerah bagi menghadapi segala kemungkinan tersebut.

"Sama-sama kita menanggung akibatnya. Kami tidak ada masalah jika Amanah hendak bertanding di kerusi-kerusi yang dimenangi Pas.

"Ia adalah hak mereka dalam sebuah negara demokrasi," katanya.

Beliau juga mengalukan Amanah bertanding melawan Pas jika parti itu benar-benar hendak gantikan Pas.

"Jangan pula menyuruh parti lain berlawan dengan Pas kerana tidak berani berhadapan dengan Pas. Kami tunggu," tegasnya.

## VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
_MMonly (_MMonly)	1	0	RM 0

## GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Jamal serius mahu terajui FAS		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	03 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	35	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	200 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,412
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,236



## Jamal serius mahu terajui FAS

SABAKBERNAM - Ketua Gerakan Baju Merah, Datuk Seri Jamal Md Yunos yang menawarkan diri sebagai presiden Bola Sepak Selangor (FAS) akan menghantar surat secara rasmi kepada badan bola sepak itu berhubung hasratnya menerajui FAS dalam minggu ini.

Jamal berkata, tawarannya untuk memegang jawatan presiden FAS itu serius dan beliau akan menulis surat kepada persatuan itu dalam waktu terdekat.

"Perkara (perjumpaan) ini akan dimaklumkan setelah saya berbincang dengan rakan-rakan saya yang lain," katanya kepada Sinar Harian.

Jamal yang juga Ketua Umno Bahagian Sungai Besar berkata, sekiranya terpilih mengetuai FAS, langkah pertama akan dilakukannya adalah memastikan semua tunggakan gaji pemain dapat di-

selesaikan dalam tempoh dua minggu.

"Jika diberi mandat, dalam tempoh 14 hari saya dilantik, segalah hutang-hutang ini akan diselesaikan dan kita akan susun langkah kedua iaitu pelan kewangan FAS untuk jangka masa pendek dan panjang" katanya.

Beliau berkata, bayaran tunggakan itu amat penting bagi memastikan moral semua pemain dan mereka yang terlibat dalam FAS mendapat pembelaan yang sewajarnya.

Jamal menjelaskan, soal kewangan diletak nombor dua, sebaliknya kebijaksanaan pengurus-



JAMAL

an dan tampuk kepimpinan terutama presiden dalam menanangi isu-isu yang berbangkit adalah lebih penting.

"Kalau duit banyak sekali pun, tetapi kalau pengurusan tidak bagus, itu pun tidak mendatangkan apa-apa manfaat dalam kemajuan su-

kan bola sepak.

"Bagaimana kita nak dapat duit?. Tak mungkin saya akan keluarkan duit peribadi berjuta-juta, tetapi di atas kebijaksanaan pengurusan.

"Apa yang paling mustahaknya, kita tidak mahu menghamparkan seluruh peminat bola sepak di negeri ini," katanya.

Selain itu, katanya, jika berpeluang memegang jawatan tertinggi dalam badan bola sepak itu, Jamal juga ingin melihat Selangor setanding dengan pasukan bola sepak Johor Darul Takzim (JDT).

"Saya bukan nak menyamakan Selangor dengan JDT, tetapi kita mestilah melihat ke arah itu. Kalau Johor boleh membangunkan sukan bola sepak ini sehingga menarik perhatian seluruh rakyat dan anak-anak muda di Johor, apa kurangnya Selangor," katanya.

Ditanya berapa suntikan dana yang mampu dijanjikannya jika beliau dipilih sebagai presiden baharu FAS, Jamal berkata, perkara itu masih dalam penilaianya.

"Saya tak pasti lagi sebab tidak tahu sejauh mana hutang yang tertunggak, tetapi yang pastinya kita akan menyelesaikan gaji pemain dan pegawai pasukan yang masih tertunggak," katanya.

## VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Pilihan Raya Negeri Selangor (Pilihan Raya Kecil)	1	0	RM 0
UMNO (UMNO)	1	0	RM 0

## GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Tengku Amir Shah sama macam TMJ1		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	03 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	35	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	100 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,706
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,117



## 'Tengku Amir Shah sama macam TMJ'

**PUCHONG** – Kelab Penyokong Anak Selangor (ASFC), beranggapan Raja Muda Selangor (RMS), Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah paling layak menerajui pengurusan FAS.

Ia susulan jawatan presiden FAS yang kosong berikutan peletakan jawatan, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Presiden ASFC, Mohd Faizal

Wahid berkata, pihaknya memberi sokongan penuh sekiranya RMS mengambil alih FAS dan menguruskan persatuan berkenaan.

Mohd Faizal yang juga Presiden Penaja Gabungan Kelab Penyokong Selangor berkata, RMS diibaratkan sama seperti Tengku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim yang lebih prihatin lagi-lagi dalam sukan bola sepak.

"Kami sokong RMS ambil alih FAS, tapi tak pastilah sama ada baginda berminat atau tak. Raja Muda sama macam TMJ lebih prihatin lagi-lagi dalam sukan bola sepak," katanya.

Mohd Faizal ketika diminta mengulas berhubung kenyataan Ketua Gerakan Baju Merah, Datuk Seri Jamal Md Yunos yang menawarkan diri sebagai presiden

FAS meminta individu berkenaan tidak mengambil kesempatan terhadap apa yang berlaku.

Katanya, sukan bola sepak di negeri ini tidak harus dipolitikkan sesiapapun termasuk individu yang didakwa sering kali dilaporkan membuat provokasi.

"Bagi saya Jamal tak layak, kita kenal dia sebab selalu buat provokasi," katanya.

## VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Istana Selangor (Istana Selangor)	1	0	RM 0
Istana Selangor (Raja Muda Selangor)	3	0	RM 0

## GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Mendaulatkan bola sepak Selangor		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	03 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	35	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	81 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,382
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,146



## Mendaulatkan bola sepak Selangor

AMPANG – Pemuda Amanah Selangor turut mencadangkan agar Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Shariffuddin Idris Shah menjadi penyelesa KEPADA konflik dalaman pasukan the Red Gaits.

Pengarah Biro Sukan dan Kebudayaannya, Abdul Hadi Kaniş berkata, pihaknya percaya dengan kredibiliti Raja Muda Selangor boleh menyelesaikan masalah yang dihadapi pihak pengurusan FAS.

“Selayaknya Raja Muda Selangor diangkat menjadi Presiden FAS yang baru bagi meneruskan kecemerlangan pasukan bola sepak Selangor di samping menyelesaikan isu-isu yang berbangkit,” katanya.

Abdul Hadi berkata, pihaknya melihat masalah pengurusan FAS sebagai satu yang serius.

“Pasukan the Red Gaits amat mantap dan telah memenangi 33 kali Piala Malaysia. Kejayaan yang dimiliki oleh pasukan bola sepak negeri ini adalah hasil dari pengurusan pasukan yang baik dan menghasilkan komitmen pasukan yang mantap.

“Masalah pengurusan FAS di saat ini perlukan satu solusi terbaik khusus bagi mengekalkan prestasi yang cemerlang,” katanya.

Beliau berkata, apabila Presiden FAS Datuk Seri Mohamed Azmin Ali meletakkan jawatan maka ia menyerlahkan lagi bahawa FAS mempunyai masalah dalaman yang perlu diselesaikan.

## VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Football Association Of Malaysia (FAM) (Malaysia Cup)	1	0	RM 0
Istana Selangor (Raja Muda Selangor)	4	0	RM 0
Menteri Besar Selangor (Menteri Besar Selangor)	1	0	RM 0

## GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Raja Muda Selangor paling layak		
MediaTitle	Sinar Harian	Color	Full Color
Date	03 Jan 2017	Circulation	279,000
Section	Nasional	Readership	837,000
Page No	35	ArticleSize	264 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 4,503
Journalist	N/A	PR Value	RM 13,509
Frequency	Daily		



# Raja Muda Selangor paling layak

Penganalisis sukan berpendapat Tengku Amir Shah adalah calon terbaik untuk dilantik sebagai Presiden FAS

**SHAH ALAM** - Tiada masalah untuk mana-mana ahli politik menyertai atau bertanding dalam jawatan tertinggi sukan khususnya industri bola sepak dalam negara ini.

Penganalisis sukan tanah air, Rizal Hashim berkata, paling utama individu itu mestilah mempunyai elemen profesional yang tinggi dan boleh membawa dana diperlukan dalam persatuan yang dijerajui kelak.

"Di Malaysia, kita tak dapat lari dari tradisi orang politik masuk dalam bidang sukan seperti yang berlaku kepada beberapa negeri lain.

"Semuanya masih diengkam naungan politik dan yang jadi isunya adalah politik yang melampau dalam persatuan. Ia tidak kiralah sama ada daripada orang biasa atau orang yang memang bergiat aktif dalam politik," katanya diminta mengulas kenyataan Pengurus Gabungan NGO Malaysia, Datuk Seri Jamal Md Yunos menawarkan diri untuk menduduki kerusi

Presiden Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS).

Rizal secara peribadi berpandangan, FAS mestilah ditadbir urus oleh seorang yang neutral dan memiliki profesional tinggi dalam bidang bola sepak serta ada ada kepakaran dalam permasaran dan boleh cari tajaan.

"Pada saya Jamal tak wajar untuk bertanding sebagai Presiden FAS. Adalah lebih baik dari FAS sendiri ataupun dalam pemimpin dalam kerajaan negeri.

"Saya berpendapat, Raja Muda Selangor, Tengku Amir Sultan Sharafuddin Idris Shah lebih secocok untuk berada di kerusi Presiden FAS se-pertimana dibuktikan oleh kerabat negeri lain seperti Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim yang berjaya dengan Johor Darul Ta'zim serta Sultan Nazrin Shah yang pernah menerajui hoki ke persada dunia satu ketika dahulu," katanya.

Beliau menambah, keupayaan tokoh politik, Tan Sri Annuar Musa semasa menjadi Presiden Persatuan Bola

Sepak Kelantan (Kafa) juga tidak boleh dinafikan.

"Beliau dapat tarik bajet dan cemerlang memimpin Kafa walaupun di Kelantan, Annuar adalah pembangkang tetapi dapat bersama-sama pihak kerajaan negeri memajukan persatuan berkenaan," katanya.

Sementara itu, seorang lagi penganalisis bola sepak tempatan, Ismadi Abdul

Manap pula berpendapat Jamal tidak perlu bertanding tetapi jika ahli gabungan FAS bersetuju, tidak menjadi masalah.

"Persoalannya sedangkan Menteri Besar yang berpengaruh besar dalam politik juga tidak berupaya merubah FAS inikan puula Jamal yang langsung tidak mempunyai jawatan besar selain ketua bahagian.

"Raja Muda Selangor calon paling sesuai. Tetapi sekiranya Tengku Amir enggan, adalah lebih baik FAS mencari presiden dalam kalangan individu dalam sektor korporat, yang mampu merubah pentadbiran FAS ke arah pengkorporatan dan penswastaan," katanya.



RIZAL



ISMADI

## VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Football Of Selangor Association (Football Of Selangor Association)	1	0	RM 0
Istana Selangor (Istana Selangor)	1	0	RM 0
Istana Selangor (Raja Muda Selangor)	4	0	RM 0
Menteri Besar Selangor (Menteri Besar Selangor)	4	0	RM 0

## GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Usah politikkan isu, MPK bela mangsa		
MediaTitle	Sinar Harian	Color	Full Color
Date	03 Jan 2017	Circulation	279,000
Section	Nasional	Readership	837,000
Page No	8	ArticleSize	325 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 5,544
Journalist	MARLIA ZAKARIA	PR Value	RM 16,632
Frequency	Daily		



# Usah politikkan isu, MPK bela mangsa

MARLIA ZAKARIA

KLANG - Majlis Perbandaran Klang (MPK) hanya mengambil pendekatan 'terpulang kepada mereka' terhadap pihak yang cuba mempolitikkan kejadian letusan bunga api sempena sambutan ambang Tahun Baharu 2017, kelmarin.

Setiausaha MPK, Adi Faizal Ahmad Tarmizi berkata, matlamat MPK hanya ingin memastikan kebaikan mangsa-mangsa terbela dan diberi rawatan susulan jika memerlukan.

"Terpulang kepada pihak-pihak berkepentingan atau tidak kerana ia mungkin pendapat masing-masing.

"Tapi bagi MPK, kami ambil penuh tanggungjawab ke atas mangsa terlibat dan akan pastikan masa-masa akan datang perkara ini akan ambil tindakan sewajarnya," katanya.

Dalam masa sama, pihaknya juga enggan mengulas tentang dakwaan Ketua Polis Daerah Klang Selatan, Asisten Komisioner Alzafny Ahmad bahawa MPK tidak memohon sebarang permit bagi pertunjukan bunga api ketika sambutan ambang Tahun Baharu 2017 di sini, kelmarin.

"Saya tak boleh nak komen kerana ia masih dalam siasatan. Biar polis sendiri buat siasatan dan kita akan lihat apa keputusannya nanti,"



Adi (dua dari kanan), bertanya khabar kepada salah seorang mangsa, Muhamad Farid Mohd Radzi, 17, semalam.

katanya selepas mengadakan lawatan ke rumah mangsa-mangsa terlibat.

Dalam lawatan tersebut, MPK turut menghulurkan bantuan wang tunai dan tawaran rawatan susulan di klinik dan hospital kerajaan.

"Ini merupakan lawatan pertama ke rumah mangsa untuk melihat sendiri tahap kecederaan mereka di samping menyampaikan sumbangan.

"Selain wang tunai, mangsa juga ditawarkan rawatan susulan klinik MPK, hospital kerajaan atau mana-mana klinik jika memerlukan dan kemukakan kepada pihak majlis kerana kos

terbabit kita akan tanggung sepenuhnya," katanya.

Katanya, lawatan tersebut sekali gus menjelaskan tiada mangsa yang mengalami kecederaan serius seperti yang dilaporkan sesetengah media, kita cuba nak dapatkan keadaan sebenarnya.

"Kalau sampai ada laporan tak boleh makan, tu tak benar. Iutkan, kejadian sebegini pernah mendatangkan kecederaan lebih serius hingga ada yang parah dan meninggal dunia tapi syukur ia tidak berlaku.

"Semua dalam keadaan terkawal (ketika kejadian) dan kami ambil tindakan drastik dengan menghantar semua

mangsa ke hospital berdekatan. Semua dirawat sebagai pesakit luar sahaja," katanya.

Pihaknya juga tidak dapat mengesahkan sama ada pertunjukan bunga api ketika sambutan ambang Tahun Baharu akan diteruskan atau tidak pada masa hadapan.

"Masa akan datang tak pasti akan adakan acara bunga api lagi atau tidak. Tapi sambutannya tetap akan diteruskan seperti biasa cuma pengisian program mungkin akan diubah dan berbeza.

"Mungkin lebih ilmiah, akademik dan hiburan selain bunga api," katanya kepada media.

**GIST(ENGLISH)**

N/A

Headline	Mangsa insiden ucap terima kasih atas keprihatinan MPK tampil hulur bantuan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	03 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	8	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	141 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,405
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,215



## Mangsa insiden ucap terima kasih atas keprihatinan MPK tampil hulur bantuan

KLANG - Mangsa-mangsa yang terlibat dalam kejadian letupan bunga api di sini, kelmarin terharu atas keprihatinan Majlis Perbandaran Klang (MPK) datang melawat dan bertanya khabar.

Fareed Bustamam, 27, yang cedera di tangan berkata, walau pun terpaksa melalui detik mencemaskan, namun terubat atas tanggungjawab MPK selaku penganjur.

"Saya terharu apabila MPK ambil berat dan bertanggungjawab terhadap kebijakan saya dan anak-anak," katanya yang turut menceritakan detik-detik cemas ketika kejadian.

Katanya, dia yang berada pada jarak 300 meter dari tempat kejadian,

terkejut apabila bunga api yang dibakar kali kedua meletup berkali-kali lalu menghampirinya dan keluarga.

"Saya datang berlima dengan anak dan isteri. Bunga api pertama okey tapi yang kedua, meletup dalam 10 kali. Masuk kali ke-11, bunga api tu datang kat saya. Rasa macam perang semua lari selamatkan diri dan menjerit-jerit.

"Saya sempat lalak dan terpelanting ke belakang, terus meletup. Kelam kabut saya cari anak-anak. Anak kedua saya cedera di kaki manakala seorang lagi cedera sikit. Anak nombor tiga diam mungkin terkejut," katanya.

Muhamad Farid Mohd Radzi, 17, berkata, dia tidak menyangka bunga

api kedua meletup dengan kuat dari arah bawah.

Dia yang memakai seluar jeans dan berstoking mengalamikecederaan di kaki apabila serpihan bunga api membakar sebahagian seluarnya.

"Masa tu saya datang dengan sepupu naik motor. Tiba-tiba bunga api kedua tu meletup-letup dengan kuat dari arah bawah ke arah penonton. Jeans yang saya pakai terbakar di kaki dan saya cuba padamkan guna tangan.

"Mujur kena kaki, bukan tangan. Dah padam, saya selamatkan diri dengan meniarap pada benteng untuk elakkan serpihan bunga api," katanya yang turut berasa terharu apabila pasukan MPK datang menziarah.



FAREED

## VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Majlis Perbandaran Klang (MPK) (Majlis Perbandaran Klang (MPK))	1	0	RM 0

## GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	MPK dipanggil beri keterangan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	03 Jan 2017	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	8	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	71 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 699
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,097



## MPK dipanggil beri keterangan

**SHAH ALAM** - Pengarah Jabatan Korporat dan Kemasyarakatan Majlis Perbandaran Klang (MPK), Zaireezal Ahmad Zainuddin semalam dipanggil oleh Polis Daerah Klang Selatan untuk diambil keterangan bagi membantu siasatan insiden Fiesta Gegar Klang yang mengakibatkan 14 orang cedera.

Yang Dipertua MPK, Datuk Mohamad Yasid Bidin berkata, beliau sebaliknya tidak dipanggil untuk memberi kenyataan buat masa ini.

"MPK sedang menjalankan siasatan dalaman letupan bunga api dan mengumpul dokumentasi yang berkaitan semasa acara serta maklumat prosedur.

"Kami akan semak bagi mengetahui unsur-unsur kecuaian, apakah tindakan perlu diambil, apakah langkah-langkah untuk mengelakkan ini pada masa depan dan prosedur yang MPK ada untuk memperbaikinya.

"Saya juga tidak mahu mengulas lanjut. Biarlah pasukan dalaman menjalankan tugas untuk membuktikan kejadian itu.

"Saya harap siasatan akan berakhir dengan secepat mungkin," katanya.

## VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Majlis Perbandaran Klang (MPK) (Majlis Perbandaran Klang (MPK))	1	0	RM 0

## GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Kerajaan negeri arah siasatan telus, jangan sembunyi punca		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	03 Jan 2017	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	8	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	74 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 729
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,186



## Kerajaan negeri arah siasatan telus, jangan sembunyi punca

**SHAH ALAM** - Kerajaan negeri akan melihat secara serius mengenai insiden letupan bunga api yang mengakibatkan 14 individu tercedera semasa sambutan ambang tahun baru di Kompleks Sukan Pandamaran, Sabtu lalu.

Exco Kerajaan Tempatan, Pemutihan Kilang Haram dan Pembangunan Kampung Baharu, Ean Yong Hian Wah berkata, Majlis Perbandaran Klang (MPK) diarahkan menjalankan siasatan dalaman dengan cara telus.

"MPK perlu menentukan punca atau pihak bertanggungjawab yang menyebabkan kemalangan ini berlaku. Kerajaan negeri tidak akan menyembunyikan sebarang kecuaian dan akan mengenakan tindakan disiplin atau undang-undang ke atas mereka yang didapati perlu bertanggungjawab atas kesilapan ini," katanya.

Beliau yang juga Adun Seri Kembangan berkata, arahan juga diberikan kepada semua pihak berkuasa tempatan (PBT) Selangor supaya melantik pengajur yang terlatih dan perlu memenuhi syarat pihak berkuasa yang berkaitan semasa persembahan mercun bunga api diadakan.

## VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Majlis Perbandaran Klang (MPK) (Majlis Perbandaran Klang (MPK))	1	0	RM 0
Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) (Pihak Berkuasa Tempatan (PBT))	1	0	RM 0
Pihak Berkuasa Tempatan Selangor (Pihak Berkuasa Tempatan	1	0	RM 0

## GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	RAJA MUDA CALON TERBAIK		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	03 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	279,000
Page No	1	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	458 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,812
Frequency	Daily	PR Value	RM 23,436



Penganalisis sukan dan kelab penyokong Selangor berpendapat Tengku Amir Shah calon paling layak terajui FAS

# RAJA MUDA CALON TERBAIK

Raja Muda Selangor lebih layak di kerusi Presiden FAS seperti dibuktikan oleh TMJ." - Rizal Hashim 35

## VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
_MMonly (_MMonly)	1	0	RM 0

## GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Mana duit FAS		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	03 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	279,000
Page No	56	Readership	837,000
Language	Malay	ArticleSize	313 cm <sup>2</sup>
Journalist	Noor Hafiza Che Abdullah	AdValue	RM 5,339
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,017



# Mana duit FAS?

NOOR HAFIZA CHE ABDULLAH

**BEKAS** pengurus Selangor, Amirudin Shari menegaskan bahawa Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) perlu menyelesaikan isu tunggakan gaji November serta bonus kejayaan layak ke final Piala Malaysia 2016 yang masih belum diterima pemain.

Amiruddin berkata, ini kerana badan induk itu berkemampuan membayar gaji dan bonus pemain selepas menjual beberapa pemain bintangnya.

"Dalam pengetahuan saya, FAS mempunyai lebih kurang RM2.5 juta selepas menjual beberapa pemain kepada negeri dan kelab bola sepak lain."

"Ini jika dikira pada tahun 2016 adalah bermula dengan penjualan Mohd Azrif Nasrulhaq diikuti Ahmad Hazwan Bakri dan R Gopinathan ke Johor Darul Ta'zim (JDT) dan tidak termasuk penjualan Shahrom Kalam dan Mohd Hafiz Kamal kepada Perak.

"Semua mereka masih lagi mempunyai baki kontrak ketika berhijrah. Persoalannya ke mana perginya wang berkenaan?" katanya dalam siaran media, semalam.

Dalam masa sama, Amiruddin turut menyelar strategi

menggunakan desakan pemain di media cetak yang bertujuan mewujudkan satu persepsi bahawa bekas Presiden FAS, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali sebagai tidak bertanggungjawab.

"Sabar tahun, kerajaan negeri memberikan peruntukan tahunan kepada FAS sekali gus memberi makna wang hasil jualan dan perpindahan pemain serta jualan tiket penting iaitu dua perlawanan akhir Piala Malaysia 2015 dan 2016 tidak pernah diusik dan tidak mengambil kira kutipan tiket aksi Liga Super dan Piala FA.

"Mungkin FAS berminat untuk berkongsi ketulusan pengurusan kewangan mereka dengan penyokong dan menjelaskan bagaimana perbelanjaan persatuan diuruskan.

"Justeru, menggunakan sentimen tidak bayar gaji dan bonus serta pampasan adalah satu tindakan kurang bijak di saat sepatutnya FAS memiliki keupayaan kewangan untuk menyelesaikannya," ujarnya.

Media semalam melaporkan FAS mendesak Mohamed Azmin serta Amirudin supaya bertanggungjawab melangsinkan tunggakan gaji pemain dan pegawai *The Red Giants* bagi November 2016 meskipun sudah tidak lagi bersama persatuan itu.



Laporan Sinar Harian semalam.

## VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
EXCO Selangor (YB Amirudin bin Shari)	1	0	RM 0
Football Association Of Malaysia (FAM) (Malaysia FA Cup)	3	0	RM 0
Football Association Of Malaysia (FAM) (Malaysia Super League)	1	0	RM 0
Football Of Selangor Association (Football Of Selangor Association)	1	0	RM 0
Menteri Besar Selangor (Menteri Besar Selangor)	1	0	RM 0

## GIST(ENGLISH)

N/A

## Karnival Mesra Rakyat meriah



Ahmad Sabri (dua kanan) bergambar bersama Abd Hamid (dua kiri).

AMPANG – Seramai 800 penduduk hadir memeriahkan Karnival Mesra Rakyat yang berlangsung di Dataran Rekreasi Bukit Antarabangsa, dekat sini, baru-baru ini.

Ahli Majlis Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Ahmad Sabri Abu Bakar berkata, suasana hujan pada petang, namun sambutan diterima amat menggalakkan.

"Pelbagai aktiviti diadakan khusus untuk masyarakat antaranya 'Sharp shooter Nurf Gun,' kayuhan basikal paling perlahan serta timbang bulu tangkis. Seramai 70 asnaf turut menerima sumbangan dalam majlis tersebut," katanya.

YDP MPAJ, Abd Hamid Hussain dan Ketua AMK Ampang, Datuk Adam Rosli turut hadir dalam majlis tersebut.

Ahmad Sabri berkata, masyarakat juga boleh menerima maklumat daripada parmer-

an agensi berkaitan seperti Pejabat Kesihatan Daerah Gombak bersama Combi Taman Bukit Mulia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) serta Hijrah.

Tambahnya, pengguna motosikal juga berpeluang membawa pulang minyak pelincir motorsikal 4T secara percuma.

"Kita turut mengadakan program potong rambut percuma pada program itu. Kanak-kanak juga berpeluang menyertai pertandingan mewarna, manakala ibu bapa menyertai program menu masakan sihat yang disampaikan oleh Chef Yang Jamil," katanya.

Menurutnya, penduduk yang mempunyai suara emas dan bakat menyanyi menyertai pertandingan karaoke terbuka serta berpeluang membawa pulang pelbagai hadiah menarik.

## Ibarat berada di medan perang - Mangsa

**KLANG 2 Jan.** – Suasannya ibarat medan perang dengan semua orang bertempiaran menyelamatkan diri. Ada yang menjerit meminta tolong dan ada yang terpinga-pinga menangis ketakutan.

Begitulah pengalaman ngeri yang dialami seorang mangsa tragedi pertunjukan bunga api Fiesta Gegar Klang 2016, Muhammad Farid Muhammad Ridzi, 18, yang tercedera di bahagian betis kanan akibat terkena jercikan bunga api sehingga menyebabkan seluar yang dipakainya itu terbakar dan mengambil masakira-kira 10 saat untuk dipadamkan.

Muhammad Farid berlata, dia bersama ibu saudara serta dua lagi sepupunya tiba di Kompleks Sukan Pandamaran kira-kira 11.45 malam untuk melihat bunga api sempena sambutan tahir baharu dan berada kira-kira 10 meter daripada garisan kuning yang diletakkan oleh penganjur ketika bunga api itu mula dibakar.

Katanya, tembakan pertama bunga api menghasilkan bunga api yang cantik namun seperti ada sesuatu yang tidak kena apabila percikan bunga api

yang kedua tidak naik ke udara tetapi mulai condong di bahagian bawah sebelum terkena pengunjung.

“Semua lari menyelamatkan diri dan ada yang menjerit meminta tolong serta menangis. Saya ketika itu terus terduduk apabila terkena percikan api dan menarap bagi mengelak terkena percikan api yang tidak henti-henti itu,” katanya.

Dalam kejadian kira-kira 12.05 tengah malam semalam itu, tujuh lelaki, tiga wanita serta dua kanak-kanak masing-masing lelaki dan perempuan cedera terkena

percikan bunga api.

Sementara itu, bapa kepada dua beradik pelajar Sekolah Kebangsaan Telok Gadong yang menjadi mangsa insiden itu, Mohd. Faried Mustamam, 37, berkata, kedua-dua anaknya melecur malah dia sendiri cedera di bahagian kaki kerana terjatuh ketika ingin menyelamatkan diri dan anak-anaknya.

Kanak-kanak itu, Muhamad

Adib Fakri Mohd Fareed, 10, dan Muhamad Fareez Adam, 12, juga meluahkan kekecewaan kerana tidak berpeluang memulakan sesi persekolahan esok kerana melebur di bahagian kaki dan punggung.

Ketua Jabatan Siasatan Jendayah Selangor, Senior Asisten Komisioner Fadzil Ahmat pula berkata, pihaknya telah mengambil keterangan wakil Majlis Perbandaran Klang (MPK) bagi membantu siasatan.

“Kita telah membuka satu kertas siasatan mengenai insiden tersebut di bawah Seksyen 8 Akta Bahan Letupan 1957 kerana membuat atau memiliki bahan letupan.

“Setakat ini, kita sedang mengumpul bukti dari mana pihak penganjur memperoleh bahan letupan tersebut dan enam saksi kejadian turut diambil keterangan bagi membantu siasatan polis,” katanya.

Dalam pada itu, kerajaan negeri Selangor menegaskan semua pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu melantik penganjur terlatih selain mematuhi syarat pihak berkuasa sekiranya mahu mengadakan sebarang program melibatkan pertunjukan bunga api di negeri ini pada masa depan.



MUHAMMAD FARID

03 Jan 2017

Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Dlm Negeri • Page: 4 • Printed Size: 309.00cm<sup>2</sup>

Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 6,107.17

PR value: MYR 18,321.51 • Item ID: MY0028065756

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.  
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: setiausahaong@gmail.com



**isentia.mediaportal**

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2



**MOHD. FAREED MUSTAMAM** (kiri) menceritakan detik cemas bunga api meletup pada malam sambutan Tahun Baharu 2017 kepada Setiausaha Majlis Perbandaran Klang, Adi Faizal Ahmad Tarmizi di Klang, semalam.

FAS jawab dakwaan bekas pengurus, isu dana

# Jual pemain untuk 2017

Oleh FADHILUL IZMEL ISHAK

sukan@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 2 JAN.

**P**ERSATUAN Bola Sepak Selangor (FAS) hari ini menjelaskan, penjualan empat bintang mereka iaitu Ahmad Hazwan Bakri, R. Gopinathan, Shahrom Kalam dan Mohd. Hafiz Kamal adalah sebahagian daripada perancangan Red Giants bagi menghadapi musim 2017.

Setiausaha Agungnya, Rosman Mohd. Ibrahim menegaskan, hasil penjualan tersebut tiada kena mengena dengan pembayaran gaji (bulan November) atau bonus

yang masih gagal dilunaskan Selangor kepada pemainnya kerana bayaran yang sepatutnya dibuat adalah sebahagian daripada peruntukan musim 2016.

Rosman turut mendakwa, kerajaan negeri Selangor hanya membayar gaji pemain Liga Super dan enggan menguruskan wang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) serta Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

FAS katanya mengeluarkan duit sendiri untuk membayar gaji pemain Piala Presiden, Piala Belia dan kakitangan persatuan termasuk caruman KWSP, LHDN dan Perkeso.

"Semua pemain itu kita jual sebab kita memerlukan duit untuk menampung perbelanjaan bagi menghadapi sai-

ngan musim depan.

"Kerajaan negeri telah meluluskan bantuan RM20 juta untuk FAS bagi musim 2016 iaitu dari Disember 2015 hingga November 2016 berserta RM3 juta untuk Akademi Merau Kuning (AMK).

"Bagaimanapun seingga Julai, kerajaan negeri hanya menyalurkan RM13.8 juta kepada FAS untuk membayar gaji, menctum KWSP, LHDN dan Perkeso untuk semua pasukan daripada Liga Super, Piala Presiden, Piala Belia, bola sepak wanita dan kakitangan FAS.

"Masih ada baki RM6.2 juta yang tidak diberikan dan FAS sendiri pun tidak tahu menuju ke mana perginya wang tersebut.

"Bermula Ogos, dana disalurkan terus kepada MSN (Majlis Sukan Negeri) Selangor, namun hanya untuk membayar

gaji pemain Liga Super dan mereka enggan membuat caruman KWSP serta LHDN. FAS juga tidak tahu berapa jumlah wang yang diberikan kepada MSN Selangor.

"Jadi, gaji Piala Presiden, Piala Belia dan kakitangan FAS bersama caruman KWSP dan Perkeso

untuk pasukan Liga Super, Piala Presiden, Piala Belia serta staf persatuan dibayar oleh FAS daripada baki sumber kewangan yang ada pada persatuan.

"FAS juga perlu membayar pampasan kepada Robert Cornthwaite (pemain import) yang khidmatnya ditamatkan lebih awal kerana Selangor mahu membawa masuk Ugo Uka," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Tambah Rosman, kerajaan negeri harus bertanggungjawab terhadap pasukan Selangor sehingga November 2016 seperti yang dijanjikan, namun sehingga kini masih belum membayar gaji pemain untuk bulan November tahun lalu.

"FAS telah maklumkan kepada pemain bahawa mulai Disember 2016 hingga November 2017 FAS akan bertanggungjawab atas gaji dan kebajikan pemain sebelum penswastaan pasukan sepenuhnya pada 2018.

"Gaji pemain pada bulan Disember sudah pun dibayar sepenuhnya oleh FAS," katanya lagi.

Ahmad Hazwan dan Gopinathan meninggalkan Selangor untuk menyertai Johor Darul Ta'zim (JDT) musim depan, manakala Shahrom Kalam serta Mohd. Hafiz Kamal berhijrah ke Perak.



03 Jan 2017

Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Sukan • Page: 28 • Printed Size: 641.00cm<sup>2</sup>  
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 12,785.00  
PR value: MYR 38,355.00 • Item ID: MY0028065978

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.  
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektahselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

Hasil penjualan **Ahmad Hazwan Bakri, R. Gopinathan, Shahrom Kalam dan Mohd. Hafiz Kamal** adalah perancangan menghadapi Liga M 2017

FAS bersetuju membayar gaji pemain bermula **Disember 2016 hingga November 2017** sebelum penswastaan pasukan pada 2018

Kerajaan negeri memperuntukkan **RM20 juta**, namun FAS hanya menerima RM13.8 juta sehingga Julai 2016

**RM13.8 juta** digunakan untuk membayai kos pentadbiran FAS, termasuk membayar gaji pemain dan kakitangan

Selangor memerlukan **RM15 juta** untuk mengharungi Liga M 2017



03 Jan 2017  
Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Sukan • Page: 28 • Printed Size: 244.00cm<sup>2</sup>  
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 4,867.00  
PR value: MYR 14,601.00 • Item ID: MY0028065979

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektahselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

# FAS ada dana bayar gaji, bonus Amirudin

**KUALA LUMPUR 2 Jan.** – Bekas pengurus Selangor, Amirudin Shari mendedahkan Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) mampu menyelesaikan bonus dan gaji pemain tanpa perlu mengharapkan bantuan daripada kerajaan negeri memandangkan pemain yang dijual oleh Selangor masih mempunyai baki kontrak.

Amirudin dalam satu kenyataan berkata, FAS dilihat sentiasa berusaha untuk manafikat bahawa mereka gagal mengurus tadbir persatuan dengan baik sebaliknya berterusan memainkan isu gaji dan bonus pemain.

“Dalam pengetahuan saya, FAS mempunyai lebih kurang RM 2.5 juta selepas menjual beberapa pemain kepada negeri dan kelab bola sepak lain.

“Ini jika dikira pada 2016 adalah bermula dengan penjualan Mohd Azrif Nasrulhaq (Badrul Hisham) diikuti Ahmad Hazwan Bakri dan juga R. Gopinathan ke JDT (Johor Darul Ta’zim).

“Ini tidak termasuk penjualan Shahrom Kalam dan Mohd. Hafiz Kamal ke pasukan Perak. Kesemua mereka masih lagi mempunyai baki kontrak ketika berhijrah. Persoalannya ke mana perginya wang

tersebut?,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Dalam pada itu, Amirudin memberitahu, kerajaan negeri setiap tahun memberi peruntukan kepada FAS.

Malah katanya, wang hasil jualan serta perpindahan pemain dan jualan tiket dua perlawanan akhir Piala Malaysia iaitu pada 2016 dan 2015 tidak pernah diusik, tidak termasuk kutipan jualan tiket perlawanan Liga Super dan Piala FA.

Amirudin turut mengakui, ketika ini pelbagai pihak cuba mewujudkan persepsi negatif terhadap Presiden FAS, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dengan membuat kenyataan di media dan dia mencabar FAS untuk bersikap telus dalam membentangkan hasil penjualan pemain dan kutipan tiket kepada umum.

“Saya sedar strategi menggunakan desakan pemain di media cetak adalah bertujuan mewujudkan persepsi bahawa Azmin presiden yang tidak bertanggungjawab.

“Tetapi bersediakah FAS telus kepada kerajaan negeri dan rakyat dengan membentangkan hasil jualan pemain dan kutipan tiket sepanjang 2015 serta 2016,

malah pada masa masih menggunakan peruntukan dana dari kerajaan negeri?,” katanya lagi.

Mengulas mengenai pemecatan bekas pengendali Red Giants, Zainal Abidin Hassan, Amirudin berkata, keputusan itu dibuat selepas mengambil kira prestasi semasa Selangor pada waktu itu berada di tahap kurang memberangsangkan.

“Menjadi tanggungjawab seorang Setiausaha Agung membuat tindakan susulan atas pengumuman presiden hatta melalui laman sosial sekalipun.

“Rosman Mohd. Ibrahim (setiausaha FAS) tidak berusaha menasihati presiden, malah umum mengetahui apa yang berlaku dalam mesyuarat Exco pada Ogos yang sepatutnya membincangkan hal-hal berbangkit seperti ini.

“Menggunakan sentimen tidak bayar gaji dan bonus serta pampasan adalah satu tindakan kurang bijak di saat sepatutnya persatuan memiliki keupayaan kewangan untuk menyelesaikannya.

“Mungkin FAS berminat untuk berkongsi ketelusan pengurusan kewangan mereka dengan penyokong dan menjelaskan bagaimana perbelanjaan persatuan diuruskan,” katanya.



AMIRUDIN SHARI

Headline	Jamal tawar diri jadi Presiden FAS		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	03 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	171,663
Page No	27	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	165 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,291
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,873



## Jamal tawar diri jadi Presiden FAS

**SABAK BERNAM 2 Jan.** - Pengurus Gabungan NGO Malaysia, Datuk Seri Jamal Md. Yunos benar-benar serius dengan hasrat menawarkan diri sebagai Presiden Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) apabila mengumumkan akan menghantar surat secara rasmi kepada pengurusan persatuan itu, minggu ini.

Ketika ditemui di sini, Jamal memberitahu, beliau akan mengadakan perbincangan dengan rakan-rakannya terlebih dahulu sebelum surat rasmi berkenaan dihantarkan kepada FAS selain memberi jaminan akan menyelesaikan isu tunggakan gaji pemain dengan segera sekiranya dilantik sebagai Presiden.

"Sekiranya terpilih menerajui FAS, langkah pertama akan dilakukan adalah memastikan semua tunggakan gaji pemain dapat diselesaikan dalam tempoh dua minggu.

"Saya akan pastikan segala hutang-hutang (tunggakan) ini akan diselesaikan.

"Selain itu saya akan membuat penyusunan semula kedudukan

kewangan FAS melibatkan jangka masa pendek dan jangka masa panjang," katanya.

Menurut Jamal lagi, isu gaji pemain dan peruntukan kewangan FAS dilihat sebagai isu penting bagi memastikan moral semua

pemain dan mereka yang terlibat dalam FAS mendapat pembelaan yang sewajarnya.

Malah untuk memastikan pembangunan pemain dan FAS dapat ditingkatkan, beliau menyifatkan kebijaksanaan pengurusan serta kepimpinan yang baik merupakan kunci utama dalam menjayakan usaha itu.

"Kalau duit banyak sekali pun tetapi kalau pengurusan tidak bagus, ia tidak mendatangkan apa-apa manfaat dalam kemajuan sukan bola sepak di Selangor.

"Apa yang paling mustahaknya, kita tidak mahu mengham-

pakan seluruh peminat bola sepak di negeri ini," katanya yang menyifatkan kemampuan FAS mampu menyaingi pasukan bola sepak Johor Darul Ta'zim (JDT).

Pada 30 disember lalu, Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali mengumumkan meletak jawatan sebagai Presiden FAS kerana tidak sehaluan dengan barisan kepimpinan persatuan bola sepak itu.

Peletakan jawatan Azmin itu turut disifatkan sebagai akur dengan desakan pelbagai pihak yang mahukan beliau meninggalkan FAS kerana gagal menyelesaikan isu tunggakan gaji dan bonus pemain sebagaimana didakwa dijanjikannya sebelum ini.



JAMAL MD. YUNOS

## VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Football Of Selangor Association (Football Of Selangor Association)	1	0	RM 0
Menteri Besar Selangor (Menteri Besar Selangor)	3	0	RM 0

## GIST(ENGLISH)

N/A

# 'FAS ada lebih dana'

■ Amirudin dakwa wang hasil penjualan pemain bintang mampu selesaikan masalah tunggakan gaji dan bonus

Firdaus Hashim

firdauhashim@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

**F**AS (Persatuan Bolasepak Selangor) boleh gunakan duit penjualan pemain untuk selesaikan tunggakan gaji pemain sekarang," demikian jawapan bekas pengurus Red Giants, Amirudin Shari (**gambar**) yang tidak akan mencampuri urusan pentadbiran FAS termasuklah mengenai tunggakan gaji bulan November dan bonus yang ditagih barisan pemain musim lalu.

Jelas Amirudin, selepas badan induk bola sepak negeri itu menjual beberapa pemain utama biarpun masih memiliki kontrak semusim yang akan hanya berakhir penghujung musim ini, beliau merasakan FAS terlebih mampu untuk menyelesaikan masalah itu daripada menudung jari kepada kerajaan negeri.

Katanya lagi, persatuan itu dilihat sengaja memainkan sentimen tunggakan sambil beliau menanyakan kembali ke manakah perginya duit hasil jualan pemain bertaraf bintang itu selain hasil jualan tiket sepanjang musim lalu termasuk aksi final

Piala Malaysia.  
Untuk rekod, FAS sudah

menjual beberapa tonggak utama seperti Ahmad Hizwan Bakri dan Gopinathan yang menyertai skuad Johor Darul Ta'zim (Johor DT) manakala ketua pasukan Shahrom Abd Kalam serta Hafiz Kamal pula memilih pasukan Perak musim depan.

"Dalam pengetahuan saya, FAS mempunyai lebih kurang RM2.5 juta selepas menjual beberapa pemain kepada negeri dan kelab bola sepak lain.

"Ini jika dikira pada tahun 2016 adalah bermula dengan penjualan Mohd Azrif Nasrulhaq diikuti Hazwan, Gopinathan ke Johor DT dan tidak termasuk penjualan Shahrom dan Hafiz ke pasukan Perak.

"Kesemua mereka masih lagi mempunyai baki kontrak ketika berhijrah. Persoalannya ke mana perginya wang itu.

"Malah, saban tahun Kerajaan Negeri Selangor memberikan peruntukan tahunan kepada FAS. Ini bermakna wang hasil jualan dan perpindahan pemain serta jualan tiket penting ia itu dua perlawan akhir Piala Malaysia 2015 dan 2016 tidak pernah diusik.

"Ini belum diambil kira

kutipan tiket perlawan Li ga Super dan Piala FA. Mungkin FAS berminat untuk berkongsi keterangan pengurusan kewangan mereka dengan penyokong dan menjelaskan bagaimana perbelanjaan per satuan diuruskan," katanya menerusi kenyataan media, semalam.

Sebelum

ini, Arena Metro melaporkan keluhan pemain Merah Kuning yang mengakui sehingga kini masih belum menerima bayaran gaji bagi bulan November dan bonus di atas kejayaan melangkah ke pentas final Piala Malaysia pada 30 Oktober lalu.

Malah, tindakan berdiam diri pengurusan pasukan musim lalu nyata membungkungkan

pemain yang kemudiannya membuat aduan kepada Persatuan Pemain Profesional Malaysia (PFAM) bagi menuntut keadilan mereka.

PFAM menerusi Ketua Pegawai Eksekutifnya, Izham Ismail mendedahkan bahawa pihaknya tidak teragak-agak untuk membawa perkara berkenaan kepada

pengetahuan Jawatankuasa Statut Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) sekiranya isu itu terus berlanjutan.

Mengulas lanjut mengenai isu penamatkan kontrak bekas pengendali Selangor Zainal Abidin Hassan, Amirudin menegaskan tindakan diambil selepas mengambil kira prestasi semasa Selangor ketika itu yang merudum dan Presiden merasakan bahawa pasukan mesti diselamatkan.

"Menjadi tanggungjawab dan kecekapan seorang Setiausaha

Agung yang berwibawa membuat tindakan susulan di atas

pengumuman Presiden biarpun melalui laman sosial.

"Namun, Rosman Ibrahim tidak berusaha untuk menasihati Presiden malah umum mengetahui apa yang berlaku pada Mesyuarat Exco pada Ogos yang sepatutnya membincangkan hal-hal berbangkit seperti ini," katanya.

**RM2.5j** >>Nilai hasil jualan beberapa pemain bintang Selangor ke pasukan lain

03 Jan 2017

Harian Metro, Malaysia

Author: firdaus hashim • Section: Arena • Page: 61,64 • Printed Size: 925.00cm<sup>2</sup>  
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 36,300.00  
PR value: MYR 108,900.00 • Item ID: MY0028065669

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 4 BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.  
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektaohongor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 3

# 'BUKAN SALAH KAMI'

> Bekas pengurus Red Giants, Amirudin Shari enggan campur tangan dengan urusan pentadbiran Persatuan Bolasepak Selangor (FAS) termasuk isu tunggakan gaji dan bonus apabila mendakwa ia sepatutnya boleh diselesaikan dengan wang hasil jualan pemain.

**HARAP LAIN, JADI LAIN**

> 61

Tindakan Datuk Seri Mohamed Azmin Ali malu melepaskan jawatan Presiden Persatuan Bolasepak Selangor (FAS) menggecewakan badan induk bola sepak negeri itu yang selama ini berharap jalan penyelesaian dapat diambil menerusi pertemuan dengan Menteri Besar Selangor itu, tetapi perkara sebaliknya berlaku.

> 61

**HANYA DILAMAN FACEBOOK**

AZMIN UNDUR DIRI



Dicetak dan diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M'sia) Bhd. (4485-H), 31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur, Loti Daerah - No 16, Jalan 118/85.

03 Jan 2017

Harian Metro, Malaysia

Author: firdaus hashim • Section: Arena • Page: 61,64 • Printed Size: 925.00cm<sup>2</sup>  
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 36,300.00  
PR value: MYR 108,900.00 • Item ID: MY0028065669



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 3 of 3



Headline	Peluang rebut posisi utama		
MediaTitle	Harian Metro	Color	Full Color
Date	03 Jan 2017	Circulation	179,231
Section	Arena	Readership	537,693
Page No	61	ArticleSize	368 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 14,441
Journalist	Rodly Fadly	PR Value	RM 43,323
Frequency	Daily		



# Peluang rebut posisi utama

Rodly Fadly

sukan@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur:** Pemain muda Selangor, Adam Nor Azlin berharap penghijrah tiga tonggak, Hazwan Bakri, Nazmi Faiz Mansor dan R Gopinathan ke Johor Darul Ta'zim (Johor DT) akan membuka peluang kepada mereka untuk menem-

patkan diri dalam kesebelasan utama The Red Giants.

Oleh itu, Adam, yang akan menyambut ulang tahun kelahiran ke-21 5 Januari ini, tidak akan mensia-siaikan kesempatan itu dengan bekerja keras untuk memikat hati ketua jurulatih, P Maniam.

"Penghijrah tiga pemain itu memang satu kehilangan besar kepada Selangor namun ia membuka ruang kepada saya serta pemain muda lain untuk merebut tempat dalam skuad utama.

"Sebagai pemain, sudah tentu setiap tahun saya mahu melihat peningkatan dalam karier. Oleh itu, jika tahun pertama bersama Selangor musim

lalu, saya sekadar menjadi

pemain simpanan, sasaran 2017 adalah menjadi pemain utama.

"Dengan ketiadaan Hazwan, Nazmi dan Gopi, saya bertekad untuk merebut salah satu tempat dalam kesebelasan utama di posisi serangan. Bagi saya, peluang terbaik ini tidak patut disia-siakan," kata Adam.

Begitu pun pemain yang berasal dari Klang itu mengakui kedudukan dalam kesebelasan belum terjamin sekali pun tanpa tiga tonggak berkenaan sebaliknya dia tetap perlu bekerja keras.


"Kehadiran semula Afiq Azmi serta beberapa pemain dari skuad Piala Presiden tetap menjadi saingan kepada saya. Apatah lagi bila ia disertai oleh penyerang import kelak."

"Oleh itu, saya tidak boleh mengambil mudah malah perlu bekerja lebih keras dalam latihan kerana jurulatih hanya akan memilih yang terbaik tanpa mengira status," ujarnya.

Adam juga menganggap misi memburu slot dalam kesebelasan utama Selangor musim ini sangat penting bagi mengukuhkan peluang tersenarai dalam skuad Projek Sukan SEA serta Piala AFC B-22, bimbingan Frank Bernhardt.

"Lebih kerap saya beraksi untuk Selangor lebih bagus kerana saya perlu sentiasa

bermain dalam pertandingan kompetitif bagi meningkatkan prestasi. Ia sekali gus memudahkan jurulatih (Bernhardt) menilai kemampuan saya," kata Adam.



Headline	Peluang rebut posisi utama		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	03 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Arena	Circulation	179,231
Page No	61	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	368 cm <sup>2</sup>
Journalist	Rodly Fadly	AdValue	RM 14,441
Frequency	Daily	PR Value	RM 43,323



Headline	Peluang rebut posisi utama		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	03 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Arena	Circulation	179,231
Page No	61	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	368 cm <sup>2</sup>
Journalist	Rodly Fadly	AdValue	RM 14,441
Frequency	Daily	PR Value	RM 43,323



## VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
_MMonly (_MMonly)	1	0	RM 0

## GIST(ENGLISH)

N/A

Headline	Isu permit masih dalam siasatan		
MediaTitle	Harian Metro	Color	Full Color
Date	03 Jan 2017	Circulation	179,231
Section	Setempat	Readership	537,693
Page No	23	ArticleSize	280 cm <sup>2</sup>
Language	Malay	AdValue	RM 11,030
Journalist	N/A	PR Value	RM 33,091
Frequency	Daily		



# Isu permit masih dalam siasatan

**Klang:** "Saya tak boleh nak ulas kerana ia masih dalam siasatan," kata Setiausaha

Majlis Perbandaran Klang (MPK) Adi Faizal Ahmad Tarmizi mengenai ketidaaan permohonan permit bagi pertunjukan bunga api pada program Fiesta GEGAR Klang 2016 di Kompleks Sukan Pandamaran di sini, tengah malam Sabtu lalu.

Beliau berkata, ketika ini pihaknya menyerahkan kepada polis untuk menjalankan siasatan berhubung kejadian itu.

"Biar polis buat siasatan dan kita akan lihat apa keputusannya nanti," katanya.

Adi Faizal ditemui ketika mengadakan lawatan ke rumah beberapa mangsa kejadian terbabit, semalam.

Beliau bersama beberapa wakil dan pegawai MPK mengadakan kunjungan di

Kampung Sungai Udang, Pandamaran Jaya dan Klang Villa dekat sini.

Sementara itu, Adi Faizal berkata, pihaknya menghulurkan bantuan wang tunai selain tawaran rawatan susulan kepada mangsa kejadian.

Menurutnya, ia membuktikan MPK bertanggungjawab apabila melihat sendiri tahap kecederaan dialami mangsa.

"Ini lawatan pertama kami ke rumah mangsa untuk melihat sendiri tahap kecederaan yang dialami serta menyampaikan sumbangan.

"Mangsa turut ditawarkan rawatan susulan di klinik MPK, hospital kerajaan atau mana-mana klinik jika memerlukan dan kemukakan kepada kami kos terbabit dan MPK tanggung sepenuhnya," katanya.

Dalam insiden jam 12 te-

ngah malam itu, 14 pengunjung cedera membabitkan 10 dewasa dan empat kanak-kanak.

Mereka dirawat sebagai pesakit luar di Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR) Klang.

Ketua Polis Daerah Klang Selatan Asisten Komisioner Alzafny Ahmad menyatakan penganjur bagi pertunjukan bunga api itu tidak memohon permit penganjuran daripada pihaknya.

Sementara itu, mangsa, Mohd Fareed Bustamam, 27, dari Kampung Sungai Udang berkata, dia terharu dengan sumbangan dihulurkan MPK namun pada masa sama berharap, kejadian itu tidak berulang.

Dia berharap, langkah keselamatan akan diperketatkan termasuk mereka yang

berpengalaman diambil ketika mengendalikan program seperti itu.

"Ketika kejadian, dua anak turut cedera di tangan dan kaki. Saya pula cedera di tangan akibat terkena percikan bunga api.

"Saya bersama isteri dan tiga anak berusaha melarikan diri dalam keadaan kelam kabut. Saya puji tindakan pihak berkuasa yang memberi rawatan segera kepada kami sekeluarga dan mangsa lain sejurus kejadian," katanya.

Bagi Muhammad Farid Mohd Radzi, 17, dia bersyukur kerana hanya cedera di kaki.

"Percikan bunga api itu mengenai seluar saya menyebabkannya koyak," katanya.

Headline	Isu permit masih dalam siasatan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	03 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	23	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	280 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,030
Frequency	Daily	PR Value	RM 33,091



**ADI FAIZAL (tiga dari kiri) melawat dan menyampaikan sumbangan salah seorang mangsa bunga api.**

## VALUATOR

Company(Brand)	Mention	Tone	ROI
Hospital Tengku Ampuan Rahimah(HTAR) (Hospital Tengku Ampuan	3	0	RM 0
Majlis Perbandaran Klang (MPK) (Majlis Perbandaran Klang (MPK))	1	0	RM 0

## GIST(ENGLISH)

N/A

## Amirudin meminta FAS beri penjelasan kepada para penyokong **Ke mana duit hasil jual pemain?**

Oleh MUHD. ARDIE PUTRA SUHAIMI

**P**ERSATUAN Bola Sepak Selangor (FAS) diminta menjelaskan ke mana hilangnya duit hasil penghijrahan barisan pemain bintang skuad Gergasi Merah sejak tahun 2016 kepada para penyokongnya bagi mengelakkkan berlakunya ketirisan susulan badan induk itu masih mengharapkan dana kerajaan negeri untuk mengharungi kempen Liga Malaysia musim depan.

Sebagai rekod, FAS sebelum ini telah memohon penjelasan daripada presidennya, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan bekas pengurus pasukan Selangor, Amirudin Shari berhubung kemelut yang melanda persatuan itu khususnya melibatkan tuggakan gaji dan bonus barisan pemain Selangor musim lepas.

Namun, Amirudin dalam satu kenyataan kelmarin menjelaskan, sentimen tersebut tidak sepautnya ditimbulkan

kerana difahamkan FAS mempunyai dana sekurang-kurangnya RM2.5 juta selepas mendapat wang tebusan kontrak daripada lima pemain utamanya musim lepas.

"Pada pengetahuan saya, FAS mempunyai lebih kurang RM2.5 juta selepas menjual beberapa pemain kepada pasukan lain iaitu Mohd. Azrif Nasrulhaq, diikuti Ahmad Hazwan Bakri dan juga R. Gopina-

than ke Johor Darul Takzim (JDT).

"Jumlah tersebut tidak termasuk penjualan Shahrom Kalam dan Mohd. Hafiz Kamal ke pasukan Perak. Kesemua mereka masih lagi mempunyai baki kontrak ketika berhijrah ke pasukan lain dan persoalan saya ke mana perginya wang tersebut?" kata Amarudin.

Mengulas lanjut, Amirudin turut menganggap telah membuat keputusan yang tepat untuk menamatkan kontrak bekas ketua jurulatih Selangor, Zainal Abidin Hassan pada Ogos lepas berdasarkan prestasi semasa dan arahan presidennya yang menuntut supaya perubahan mesti dilakukan segera.

"Ia menjadi tanggungjawab Setiausaha Agung (Rosman Mohd. Ibrahim) yang berwibawa membuat tindakan susulan atas pengumuman presiden walaupun arahan tersebut hanya disebarluaskan melalui laman sosial," katanya.

Jelas Amirudin lagi, strategi menggunakan pemain untuk mengeluarkan kenyataan media yang menuntut hak gaji dan bonus mereka adalah bertujuan untuk mewujudkan persepsi bahawa Azmin mengabaikan tanggungjawabnya sebagai Presiden FAS.

"Kerajaan negeri tidak pernah berhenti memberikan dana dan peruntukan tahunan kepada FAS. Situasi tersebut menyebabkan jualan tiket perlawanan khususnya pentas final Piala Malaysia pada edisi 2015 dan 2016 sepa-

tutnya tidak berusik.

"Justeru, saya menuntut supaya FAS berkongsi ketelusan pengurusan kewangan mereka dengan penyokong dan menjelaskan bagaimana perbelanjaan persatuan diuruskan setiap musim," katanya yang pernah membantu pasukan Selangor menamatkan badi 'Misi 33' Piala Malaysia pada musim 2015.



AMIRUDIN meminta FAS menjelaskan kepada para penyokong Selangor berhubung perolehan persatuan hasil daripada penjualan pemain musim lalu.



# Mana perginya duit?

Amirudin meminta FAS jelaskan kepada penyokong ke mana duit FAS hasil penjualan beberapa pemain utama musim lalu

HAZWAN menyertai JDT walaupun masih ada baki kontrak dengan Selangor.



GELORA yang melanda Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) nampaknya belum reda.

Selepas barisan Exco FAS kelmarin meminta presiden, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali untuk melunaskan tunggakan gaji serta bonus para pemain Selangor akibat kejayaan melangkah ke final Piala Malaysia 2016, kini timbul pula isu baharu yang dilihat terus merumitkan keadaan.

Bekas pengurus pasukan Selangor, Amirudin Shari tampil membuat kenyataan balas dengan meminta FAS menjelaskan kepada para penyokong skuad Merah Kuning itu ke mana perginya duit hasil penjualan beberapa pemain utamanya musim lalu.

Menurut Amirudin, itu menuntut pembayaran tunggakan gaji itu tidak harus ditimbulkan kerana difahamkan FAS mempunyai dana sekurang-kurangnya RM2.5 juta selepas mendapat wang tebusan kontrak daripada lima pemain utamanya yang berhijrah ke pasukan lain musim lepas.

Dana tersebut katanya, sudah



AMIRUDIN

mencukupi untuk melunaskan gaji serta bonus pemain tetapi kenapa ia dibangkitkan lagi.

"Pada pengetahuan saya, FAS mempunyai lebih kurang RM2.5 juta selepas menjual beberapa pemain kepada pasukan lain iaitu Mohd. Azrif Nasruhaq, diikuti Ahmad Hazwan Bakri dan juga R. Gopinathan ke Johor Darul Takzim (JDT).

"Jumlah tersebut tidak termasuk penjualan Shahrom Kalam dan Mohd. Hafiz Kamal ke pasukan

NAZMI antara pemain utama yang meninggalkan Selangor musim lalu.

Perak. Jadi, persoalan saya ke mana perginya wang tersebut?" tanya Amirudin.

Amirudin juga mendedahkan bahawa kerajaan negeri tidak pernah berhenti memberikan dana dan peruntukan tahunan kepada FAS.

Atas alasan tersebut beliau menuntut supaya FAS berkongsi ketulusan pengurusan kewangan mereka dengan penyokong dan menjelaskan bagaimana perbelanjaan persatuan diuruskan setiap musim.

Headline	Mangsa tidak dapat ke sekolah		
MediaTitle	Kosmo		
Date	03 Jan 2017	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	197,202
Page No	10	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	309 cm <sup>2</sup>
Journalist	AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI	AdValue	RM 8,050
Frequency	Daily	PR Value	RM 24,150



Polis masih siasat punca sebenar bunga api meletup atas tanah

# Mangsa tidak dapat ke sekolah

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI

**K**LANG — Beberapa pelajar yang juga mangsa insiden percikan bunga api pada sambutan Ambang Tahun Baru 2017 di Kompleks Sukan Pandamaran di sini kelmarin terpaksa melupakan minggu pertama sesi persekolahan tahun ini akibat melecur.

Salah seorang mangsa, Muhamad Adib Fakri Mohd. Fareed, 10, pelajar Tahun Empat Sekolah Kebangsaan (SK) Telok Gadong, berkata, semua kelengkapan persekolahannya telah lengkap, namun disebabkan tragedi itu dia tidak bersama rakan-rakannya bersekolah hari ini.

"Sedih kerana tak dapat sekolah, kena duduk rumah lagi, kaki sakit lagi. Barang sekolah semua dah siap," katanya yang melecur di kaki.

Adib ditemui selepas menerima kunjungan Setiausaha Majlis Perbandaran Klang (MPK), Adi Faizal Ahmad Tarmizi di

rumahnya di Kampung Delek di sini semalam.

Sementara itu, bapanya, Mohd. Fareed Mustamam, 37, yang turut cedera dalam insiden tersebut berharap kejadian sama tidak berulang pada sambutan akan datang.

Dalam kejadian tersebut, turut cedera ialah seorang lagi anak Mohd. Fareed, Muhamad Fareez Adam, 12, yang melecur di bahagian punggung.

Dia yang juga pelajar Tahun Enam SK Telok Gadong terpaksa melupakan minggu pertama sesi persekolahan tahun ini.

Dalam pada itu, seorang ahli keluarga mangsa letupan tersebut menggesa pihak berkuasa segera membuat siasatan kerana mereka juga ingin tahu punca kejadian yang menyebabkan bunga api itu meletup di atas tanah.

"Kami enam sekeluarga berada di antara barisan hadapan pengunjung sewaktu bunga api itu meletup lalu menuju ke arah kami dan pengunjung lain," kata Mohamad Rafiq Ahmad Tarmizi, 19.

Dia berkata kejadian itu menyebabkan adiknya Nur Qaseh, 8, terkena percikan api, nenek saudaranya, Hanizah Abd Rashid, 48, cedera di kepala dan ibu saudaranya, Diana Talaha, 31, pula melecur di tangan dan paha.

"Pihak penganjur memberi kerjasama yang baik kepada kami sewaktu di hospital, bagaimanapun kami masih ingin tahu apakah punca bunga api itu meletup di tanah," katanya.

Seramai 14 orang termasuk kanak-kanak dilapor cedera dalam kejadian itu di padang Kompleks Sukan Pandamaran.

Ketua Polis Daerah Klang Selatan, Asisten Komisioner Alzafny Ahmad berkata, pihaknya sedang giat menjalankan siasatan dari pelbagai sudut untuk merungkai punca sebenar kejadian itu berlaku.

